



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

KELULUSAN SECARA PRINSIP PEMBANGUNAN LEBUHRAYA BERTINGKAT BANDAR MALAYSIA–SERI KEMBANGAN (BSE)

KUALA LUMPUR, 27 Ogos 2026 – Jemaah Menteri dalam mesyuarat baru-baru ini telah bersetuju memberikan kelulusan secara prinsip bagi cadangan pembangunan Lebuhraya Bertingkat Bandar Malaysia–Seri Kembangan (BSE), sebuah projek infrastruktur strategik yang berpotensi memperkuat rangkaian pengangkutan serta meningkatkan kesalinghubungan di kawasan Greater Kuala Lumpur.

- Keputusan ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI dalam menyediakan infrastruktur berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada rakyat, merangsang pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan daya saing negara secara mampan.
- BSE dicadangkan sebagai laluan penghubung berkapasiti tinggi yang mengintegrasikan beberapa rangkaian lebuh raya utama, termasuk Lebuhraya Kuala Lumpur–Seremban, Lebuhraya Maju (MEX), Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA), Lebuhraya Baru Pantai (NPE), Lebuhraya Shah Alam (KESAS) serta rangkaian Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik Kuala Lumpur (SPRINT) yang lebih luas.
- Pembangunan lebuh raya bertingkat di sepanjang jajaran strategik ini berpotensi menyediakan laluan alternatif kepada pengguna serta melancarkan pergerakan antara koridor utara, selatan dan pantai timur Semenanjung Malaysia. Kesalinghubungan yang lebih baik turut dijangka meningkatkan mobiliti rakyat, memperkuat kecekapan logistik dan melancarkan pergerakan barangan.
- Dari sudut kesejahteraan rakyat, BSE berpotensi mengurangkan masa perjalanan serta meningkatkan akses kepada pusat pekerjaan, institusi pendidikan dan perkhidmatan awam.

6. Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, pembangunan BSE bukan sekadar pembinaan sebuah lebuh raya baharu, tetapi merupakan pelaburan jangka panjang dalam memperkukuh kesalinghubungan, keterangkuman pembangunan dan daya saing ekonomi negara.
7. Susulan kelulusan secara prinsip tersebut, Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama agensi-agensi berkaitan, termasuk Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), akan meneruskan rundingan dan penilaian terperinci bagi memuktamadkan struktur pelaksanaan projek.
8. Kerajaan akan memastikan setiap aspek projek dinilai secara menyeluruh, khususnya dari segi kepentingan awam, nilai terbaik kepada negara dan kemampuan fiskal, sebelum sebarang keputusan muktamad mengenai pelaksanaannya dibuat.
9. Cadangan pembangunan BSE juga berpandukan pendekatan pembiayaan sektor swasta, sekali gus memastikan pelaksanaannya tidak melibatkan komitmen kewangan langsung daripada Kerajaan Persekutuan.
10. Pada masa yang sama, Kerajaan turut meneliti beberapa cadangan penyelesaian infrastruktur lain secara terpilih bagi melengkapkan rangkaian jalan raya dan menangani isu kesesakan lalu lintas di Lembah Klang. Cadangan berkenaan akan dipertimbangkan berdasarkan keperluan strategik, peningkatan kapasiti serta impak terhadap kelancaran trafik.
11. Kementerian Kerja Raya akan terus memastikan proses seterusnya dilaksanakan secara teliti, telus dan berteraskan kepentingan rakyat serta negara, selaras dengan komitmen Kerajaan untuk membangunkan sistem pengangkutan yang lebih cekap, bersepadu dan mampan demi menyokong pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kualiti hidup rakyat.

-TAMAT-



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

MENTERI KERJA RAYA

27 OGOS 2026

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#Jalankitatanggunjawabkita

#KerajaanMADANI

#MADANIbekerja